

More eWallet Top-Ups, More Rewards with PB Mastercard Credit Card Terms and Conditions

Campaign Period

1. The Campaign is valid from 1 September to 31 December 2026 (“Campaign Period”).

Eligibility

2. The Campaign is open to all Public Bank (PB) and Public Islamic Bank (PIB) Principal Mastercard Credit Cardmembers, including employees of the Public Bank Group, PB subsidiaries, PB’s advertising agencies and their immediate families (“PB Cardmember”).

Participation Criteria

3. To participate in this Campaign, PB Cardmember is required to perform ONE (1) time online registration via PBe **OR** Short Message Service (SMS) registration during the Campaign Period in the following manner: -

a) **Online registration via PBe** using Key Word: **PBVHR**

OR

b) **SMS registration** by entering “**PBVHR**” and send to 68333 (Example: PBVHR to 68333)

For the avoidance of doubt, any registration using Supplementary Cardmembers’ mobile phone number shall not be accepted and shall be voided.

4. PB Cardmember must register his/her participation for the Campaign using the mobile phone number that is registered with the Bank. In the event the mobile phone number or information provided by the PB Cardmember during the registration process does not match with Public Bank database, Public Bank reserves the right to reject the said registration.
5. PB Cardmember with multiple credit cards is required to register only once and thereafter, the amounts charged on all other credit cards and the supplementary card(s) shall be automatically tracked for the purpose of tabulation of the Qualified Transactions.

Note: -

- a) “Qualified Transactions” shall include eWallet top up transactions performed at eligible eWallet merchants only, which are Boost, GrabPay, Lazada, ShopeePay and Touch ‘n Go, excluding auto top up transactions.
- b) Qualified Transactions made by Supplementary Cardmember shall be aggregated with the Principal Cardmember’s and will be considered as Principal Cardmember’s Qualified Transactions. For the avoidance of doubt, Supplementary Cardmember is not entitled to win the prize as only the Principal Cardmember will be eligible to receive the prize.

6. PB Cardmember is responsible to ensure that the registration details are complete, accurate and sent during Campaign Period. Proof of Online/SMS registration sent does not constitute a confirmation of receipt by the Bank.
7. PB Cardmember who successfully registers for the Campaign will receive an acknowledgement of registration (applicable for online registration only) or an SMS confirmation from the Bank (applicable for registration via SMS only). A standard normal Telecommunication Operator charges apply for each SMS registration and shall be fully borne by the PB Cardmember.
8. In the event the SMS is incomplete/invalid, an outgoing SMS will be sent to the PB Cardmember, at no cost, to inform him/her to re-register via SMS.
9. The Bank will not be held responsible and reserves the absolute discretion to disqualify any registration due to duplicate entries, incomplete/inaccurate details, late entries, error message, unsuccessful registration due to network failure and/or interruption experienced by a Telecommunication Operator or for any reason whatsoever as the Bank may in its absolute discretion deem fit.
10. If the date and time of a successful Online/SMS registration or transaction date and time captured in the Bank's system differs or a dispute arises as to when the registration took place, the Bank's system date and time shall prevail.

Campaign Mechanic

11. PB Cardmember is required to use PB Mastercard Credit Card/PIB Mastercard Credit Card-i in the following manner to win the prize under this campaign: -

Eligible eWallet Merchants	Spending Criteria	Prize
Boost/GrabPay/Lazada/ShopeePay/Touch 'n Go	Minimum top up of RM2,000 per transaction	RM40 eVoucher
	Minimum top up of RM4,000 per transaction	RM100 eVoucher

Prize Allocation

12. Each PB Cardmember is entitled to win one (1) prize per month and up to four (4) prizes throughout the Campaign Period, subject to the prize allocation on a first-come, first-served basis.

Month	Period	Prize	Allocation (unit)
1	1 – 30 September 2026	RM40 eVoucher	750
		RM100 eVoucher	420
2	1 – 31 October 2026	RM40 eVoucher	750
		RM100 eVoucher	420
3	1 – 30 November 2026	RM40 eVoucher	750
		RM100 eVoucher	420
4	1 – 31 December 2026	RM40 eVoucher	750
		RM100 eVoucher	420

13. Qualified Transactions earned by the PB Cardmember shall be tracked in the following manner:-

Online/SMS Registration Received in a Month				
	Month 1	Month 2	Month 3	Month 4
Qualified Transactions in each Tracking Month				
Month 1	√	√	√	√
Month 2	–	√	√	√
Month 3	–	–	√	√
Month 4	–	–	–	√

14. PB Cardmember successfully registered via Online/SMS on Month 1 of the Campaign Period will has his/her Qualified Transactions being tracked for the Month 1, and thereafter until the end of the Campaign Period.
15. The tracking of Qualified Transactions shall be based on transaction dates.
16. In the event that there is a reversal of entry made on any one of the Qualified Transaction, the entries earned on the reversed transaction will be disqualified.

Prize Fulfilment

17. The prize will be given in the form of WOGI wallet credits and can be used to redeem the eVoucher.
18. The fulfilment of the prize is handled by WOGI Sdn. Bhd. (Company No. 1233052-X) with its registered address at A-3-35B IOI Boulevard, Jalan Kenari 7, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor, Malaysia.

19. WOGI will send a unique redemption QR code to the winners' registered email address with the Bank's record via no-reply@wogi.gifts within FOUR (4) to TWELVE (12) weeks after the end of each month and upon fulfillment of all Terms and Conditions listed.
20. Upon receiving the email containing the unique redemption QR code, the winners must access the designated redemption page to redeem the eVoucher using the WOGI wallet credits within the stipulated validity period.
21. Any unutilized WOGI wallet credits will be forfeited upon expiry of the stipulated validity period and the eVoucher can no longer be redeemed. The Bank has no obligation to replace the WOGI wallet credits under any circumstances.
22. Winners shall contact WOGI Sdn. Bhd. at egift_help@wogi.biz on any queries pertaining to the eVoucher.
23. The usage of eVoucher is subject to the merchant's Terms and Conditions. The Bank is not affiliated with the participating merchants.
24. The name and email address of winners will be shared with WOGI Sdn. Bhd. for the purpose of prize fulfilment.
25. Winners are responsible for ensuring that the email address registered with the Bank is current and accurate. The Bank shall not be liable for non-delivery of the prize or any loss arising from an outdated or inaccurate email address, the absence of email address maintained with the Bank or any circumstances beyond the Bank's control.
26. The prize is non-transferable, non-negotiable and non-exchangeable for cash, credit or kind.
27. The Bank reserves the right in its sole discretion to change and substitute the prize with an alternate item of equivalent value from time to time.
28. The credit card account of the winner must not be delinquent, and/or invalid or cancelled at the time of prize fulfilment. Otherwise, such winner shall be disqualified from receiving the prize.
29. The Bank reserves the absolute discretion in disqualifying any winner should they fail to adhere to the stipulated Terms and Conditions.
30. PB Cardmember who participate in this Campaign during the Campaign Period will not be eligible for other PB Credit Card/PIB Credit Card-i Usage Campaign.
31. Should there be any dispute or non-receipt of prize, please contact PB Card Services & Support at 03-2170 8000 or email to custsvc@publicbank.com.my by 31 March 2027. No inquiry will be entertained after 31 March 2027.

General Terms and Conditions

1. The Bank reserves the right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty-one (21) calendar days prior notice which notice of such change, amendment, deletion or addition shall be published on the Bank's website www.pbebank.com.
2. By participating in this Campaign, the PB Cardmember: -
 - a) shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by these Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained;
 - b) agrees and consents that information regarding him/her can be processed, collected, used and stored by the Bank for the purpose of this Campaign;
 - c) agrees that the decision of the Bank will be final, binding and conclusive and that no appeal, correspondence, queries or protests will be entertained.
3. The Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend the Campaign. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the PB Cardmember to any claim or compensation against the Bank for any and all loss or damage suffered or incurred by the PB Cardmember as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
4. The Bank shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or whatsoever suffered by the PB Cardmember caused directly or indirectly, in whole or in part, from his/her participation in the Campaign as a result of any act or omission on the part of the Bank.
5. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in the Cardmember Agreement applicable to the Participant's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "More eWallet Top-Ups, More Rewards with PB Mastercard Credit Card".
6. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.

END

TRANSLATION
**Lebih Banyak Tambah Nilai eDompnet, Lebih Banyak Ganjaran
dengan Kad Kredit PB Mastercard
Terma dan Syarat**

Tempoh Kempen

1. Kempen ini sah dari 1 September hingga 31 Disember 2026 (“Tempoh Kempen”).

Kelayakan

2. Kempen ini terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit Utama Mastercard Public Bank (PB) dan Public Islamic Bank (PIB), termasuk kakitangan Kumpulan Public Bank, subsidiari PB, agensi pengiklanan PB dan ahli keluarga terdekat masing-masing (“Ahli Kad PB”).

Kriteria Penyertaan

3. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad PB dikehendaki mendaftarkan penyertaannya SATU (1) kali dalam talian melalui PBe **ATAU** melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) semasa Tempoh Kempen melalui cara yang berikut: -

a) **Pendaftaran Dalam Talian melalui PBe** menggunakan Kata Kunci: **PBVHR**

ATAU

b) **Pendaftaran SMS** dengan menaip “**PBVHR**” dan hantar kepada 68333 (Misalnya: PBVHR kepada 68333)

Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pendaftaran menggunakan nombor telefon mudah alih Ahli Kad Tambahan tidak akan diterima dan adalah terbatal.

4. Ahli Kad yang Layak dikehendaki mendaftarkan penyertaannya untuk Kempen ini menggunakan nombor telefon mudah alih yang didaftarkan dengan Bank. Sekiranya nombor telefon mudah alih atau maklumat yang diberikan oleh Ahli Kad PB semasa proses pendaftaran tidak sama dengan data dalam rekod Public Bank, Public Bank berhak untuk menolak pendaftaran tersebut.
5. Ahli Kad PB yang mempunyai beberapa kad kredit dikehendaki untuk mendaftar sekali sahaja dan selepas itu, amaun yang dicaj bagi kesemua kad kredit dan kad tambahan lain secara automatik akan dikesan bagi tujuan pengiraan Urus niaga yang Layak.

Nota:-

- a) “Urus niaga yang Layak” termasuk urus niaga tambah nilai eDompnet yang dibuat di saudagar eDompnet yang layak sahaja iaitu Boost, GrabPay, Lazada, ShopeePay dan Touch n’ Go, tidak termasuk urus niaga tambah nilai automatik.

- b) Urus niaga yang Layak yang dibuat oleh Ahli Kad Tambahan akan digabungkan dengan Ahli Kad Utama dan akan dianggap sebagai Urus niaga yang Layak oleh Ahli Kad Utama. Bagi mengelakkan keraguan, Ahli Kad Tambahan tidak layak untuk memenangi hadiah kerana hanya Ahli Kad Utama yang layak untuk menerima hadiah.
6. Ahli Kad PB bertanggungjawab untuk memastikan butiran SMS adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Kempen. Bukti penghantaran pendaftaran Dalam Talian/SMS bukanlah merupakan pengesahan penerimaan oleh Bank.
 7. Ahli Kad PB yang berjaya mendaftar untuk Kempen ini akan menerima pengakuan pendaftaran (diterima pakai untuk pendaftaran dalam talian sahaja) atau pengesahan SMS daripada Bank (diterima pakai untuk pendaftaran melalui SMS sahaja). Caj Pengendali Telekomunikasi biasa dikenakan ke atas setiap pendaftaran SMS dan akan dibayar sepenuhnya oleh Ahli Kad PB.
 8. Sekiranya SMS tersebut tidak lengkap/tidak sah, SMS balas akan dihantar kepada Ahli Kad PB, secara percuma, untuk memaklumkan kepada beliau untuk mendaftar semula melalui SMS.
 9. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan dan mempunyai hak mutlak untuk tidak melayakkan mana-mana pendaftaran disebabkan oleh penyertaan serupa yang dihantar dua kali, butiran yang tidak lengkap/tidak tepat, penyertaan yang lewat, mesej yang silap, pendaftaran yang tidak berjaya disebabkan oleh kegagalan sistem dan/atau gangguan yang dialami oleh Pengendali Telekomunikasi atau atas apa jua sebab yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlaknya.
 10. Sekiranya tarikh dan waktu pendaftaran Dalam Talian/SMS yang berjaya dibuat atau tarikh dan waktu urus niaga yang dirakam dalam sistem Bank berbeza atau timbulnya pertikaian mengenai masa pendaftaran tersebut dibuat, tarikh dan waktu dalam sistem Bank akan diterima pakai.

Mekanisme Kempen

11. Ahli Kad PB dikehendaki menggunakan Kad Kredit PB Mastercard/Kad Kredit-i PIB Mastercard melalui cara yang berikut untuk memenangi hadiah di bawah kempen ini:-

Saudagar eDompot yang Layak	Kriteria Perbelanjaan	Hadiah
Boost/GrabPay/Lazada/ShopeePay/Touch 'n Go	Tambah nilai minimum sebanyak RM2,000 setiap urus niaga	eBaucar RM40
	Tambah nilai minimum sebanyak RM4,000 setiap urus niaga	eBaucar RM100

Peruntukan Hadiah

12. Setiap Ahli Kad PB layak untuk memenangi satu (1) hadiah sebulan dan sehingga empat (4) hadiah sepanjang Tempoh Kempen, tertakluk pada peruntukan hadiah atas dasar siapa cepat, dia dapat.

Bulan	Tempoh	Hadiah	Peruntukan (Unit)
1	1 – 30 September 2026	eBaucar RM40	750
		eBaucar RM100	420
2	1 – 31 Oktober 2026	eBaucar RM40	750
		eBaucar RM100	420
3	1 – 30 November 2026	eBaucar RM40	750
		eBaucar RM100	420
4	1 – 31 Disember 2026	eBaucar RM40	750
		eBaucar RM100	420

13. Urus niaga yang Layak yang diperoleh oleh Ahli Kad PB hendaklah dikesan melalui cara yang berikut:-

Pendaftaran Dalam Talian/SMS yang Diterima dalam Sebulan				
	Bulan 1	Bulan 2	Bulan 3	Bulan 4
Urus niaga yang Layak dalam setiap Bulan Pengesanan				
Bulan 1	√	√	√	√
Bulan 2	–	√	√	√
Bulan 3	–	–	√	√
Bulan 4	–	–	–	√

14. Urus niaga yang Layak Ahli Kad PB yang berjaya mendaftar Dalam Talian/melalui SMS pada Bulan 1 dalam Tempoh Kempen akan dikesan untuk Bulan 1 dan seterusnya sehingga akhir Tempoh Kempen.
15. Pengesanan Urus niaga yang Layak adalah berdasarkan tarikh urus niaga.
16. Sekiranya berlaku penarikan balik entri bagi mana-mana Urus niaga yang Layak, penyertaan yang diperoleh bagi urus niaga yang ditarik balik tersebut akan hilang kelayakan.

Penunaian Hadiah

17. Hadiah akan diberikan dalam bentuk kredit dompet WOGI dan boleh digunakan untuk menebus eBaucar.
18. Penunaian hadiah dikendalikan oleh WOGI Sdn. Bhd. (No. Syarikat 1233052-X) dengan alamat berdaftar di A-3-35B IOI Boulevard, Jalan Kenari 7, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor, Malaysia.

19. WOGI akan menghantar kod QR penebusan unik kepada alamat e-mel berdaftar milik pemenang yang terdapat dalam rekod Bank melalui no-reply@wogi.gifts dalam tempoh EMPAT (4) hingga DUA BELAS (12) minggu selepas akhir setiap bulan dan apabila semua Terma dan Syarat yang disenaraikan dipenuhi.
20. Selepas menerima e-mel yang mengandungi kod QR penebusan unik tersebut, pemenang mesti mengakses laman penebusan yang ditetapkan untuk menebus eBaucar menggunakan kredit dompet WOGI dalam tempoh sah yang dinyatakan.
21. Sebarang kredit dompet WOGI yang tidak digunakan akan terbatal setelah tempoh sah yang ditetapkan tamat dan eBaucar tidak lagi boleh ditebus. Bank tidak mempunyai obligasi untuk menggantikan kredit dompet WOGI di bawah apa jua keadaan.
22. Pemenang dikehendaki menghubungi WOGI Sdn. Bhd. di egift_help@wogi.biz untuk apa-apa pertanyaan berkaitan dengan eBaucar.
23. Penggunaan eBaucar tertakluk pada Terma dan Syarat saudagar. Bank tidak mempunyai kaitan dengan saudagar yang mengambil bahagian.
24. Nama dan alamat e-mel pemenang akan dikongsikan dengan WOGI Sdn. Bhd. bagi tujuan penunaian hadiah.
25. Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa alamat e-mel yang berdaftar dengan Bank adalah terkini dan tepat. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas hadiah yang tidak diterima atau apa-apa kerugian berikutan alamat e-mel yang tidak terkini atau tidak tepat, ketiadaan alamat e-mel dalam rekod Bank atau apa-apa keadaan di luar kawalan Bank.
26. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit atau barang.
27. Bank berhak atas budi bicara mutlaknyanya untuk mengubah dan menukar hadiah dengan item gantian yang sama nilainya dari semasa ke semasa.
28. Akaun kad kredit pemenang mestilah tidak culas dan/atau tidak sah atau dibatalkan pada waktu penunaian hadiah. Jika tidak, pemenang berkenaan akan hilang kelayakan daripada menerima hadiah.
29. Bank berhak atas budi bicara mutlaknyanya untuk tidak melayakkan mana-mana pemenang sekiranya mereka gagal mematuhi Terma dan Syarat yang ditetapkan.
30. Ahli Kad PB yang mengambil bahagian dalam Kempen ini semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk Tawaran Penggunaan Kad Kredit PB/Kad Kredit-i PIB yang lain.

31. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian atau hadiah tidak diterima oleh pemenang, sila hubungi Perkhidmatan Kad PB dan Sokongan melalui 03-2170 8000 atau e-mel kepada custsvc@publicbank.com.my selewat-lewatnya pada 31 Mac 2027. Tiada pertanyaan akan dilayan selepas 31 Mac 2027.

Terma dan Syarat Am

1. Bank berhak untuk mengubah, meminda, memotong atau membuat penambahan kepada Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar mengenai perubahan, pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut yang akan dipaparkan melalui laman web Bank www.pbebank.com.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad PB:-
 - a) dianggap telah membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam ini. Keputusan Bank adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani;
 - b) bersetuju dan memberi kebenaran bahawa maklumat tentang beliau boleh diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh Bank bagi tujuan Kempen ini;
 - c) bersetuju bahawa keputusan Bank adalah muktamad, mengikat dan konklusif serta tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani.
3. Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen oleh Bank tidak melayakkan Ahli Kad PB untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi apa-apa dan kesemua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad PB yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan tersebut.
4. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau berikutan daripadanya, atas apa-apa kerugian dan ganti rugi atau apa jua pun yang dialami oleh Ahli Kad PB yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, berikutan penyertaan beliau dalam Kempen ini disebabkan oleh apa-apa tindakan atau ketertinggalan oleh Bank.
5. Terma dan Syarat dalam ini adalah sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Peserta. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan “Lebih Banyak Tambah Nilai eDompot, Lebih Banyak Ganjaran dengan Kad Kredit PB Mastercard”.
6. Jika terdapat pertikaian, percanggahan atau keberlainan dalam terma dan syarat versi Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

TAMAT